

MAKNA DALAM KEHIDUPAN DAN MAKNA JALAN CHOW KIT BERDASARKAN TEORI INTERAKSI SIMBOLIK: KAJIAN KE ATAS GELANDANGAN BEKAS BANDUAN

*(Meaning in Life and The Meaning of The Chow Kit Road Based on Symbolic Interactionism
Theory: A Study on The Homeless Former Prisoners)*

Mohd Alif bin Jasni, Noralina Omar, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Norruzeyati Che Mohd Nasir

ABSTRAK

Gelandangan bekas banduan sering bertumpu di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kajian ini didasari oleh Teori Interaksi Simbolik. Pengakhiran mereka sebagai gelandangan didapati berulang setiap kali dibebaskan dari penjara. Pemilihan Jalan Chow Kit sebagai destinasi pilihan atas pelbagai faktor membawa kepada persoalan tentang makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit yang tertanam dalam diri mereka. Perasaan dekat dalam diri pada sesuatu kawasan sebenarnya mampu membina suatu makna kehidupan yang tersendiri sepanjang mereka hidup bergelandangan dan makna kawasan tersebut pada diri mereka. Sebuah kajian kualitatif telah dilakukan dengan menemubual 15 orang gelandangan bekas banduan yang memiliki kriteria inklusif iaitu tidak mempunyai tempat tinggal tetap, mempunyai rekod pemenjaraan dan merupakan warganegara Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan wujud makna tertentu tentang kehidupan kawasan Chow Kit kepada responden kajian selaras dengan hujahan Teori Interaksi Simbolik. Dari segi tema makna dalam kehidupan, kod yang ditemui ialah ingin meneruskan menjalani kehidupan dengan biasa, bersyukur dengan apa yang ada dan berusaha memperbaiki kehidupan. Manakala bagi makna Jalan Chow Kit, tiga kod yang ditemui ialah Jalan Chow Kit dianggap sebagai 'rumah' dan tempat tinggal, mereka melihat Jalan Chow Kit sebagai tempat yang penuh dengan akses kepada bantuan (atau peluang) dan wujudnya rakan. Input kajian ini boleh dijadikan panduan untuk lebih memahami golongan ini, membantu memenuhi keperluan asas mereka dan seterusnya mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat. Pemahaman yang bagus terhadap golongan tersebut juga mampu menghasilkan program intervensi untuk membanteras golongan gelandangan dengan lebih berkesan.

Kata kunci: makna dalam kehidupan, makna Jalan Chow Kit, Teori Interaksi Simbolik, kelangsungan hidup, gelandangan bekas banduan

ABSTRACT

Homeless former prisoners are often concentrated around Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. This study is based on the Theory of Symbolic Interaction. Their endings as homeless people were found to be repeated each time they were released from prison. The selection of Jalan Chow Kit

as the destination of choice on various factors leads to the question of the meaning in life and the meaning of Jalan Chow Kit embedded in them. The feeling of closeness to an area is actually able to build a meaning of life of their own as long as they are homeless and the meaning of the area on themselves. A qualitative study was conducted by interviewing 15 homeless former prisoners who have the inclusive criteria of not having a permanent residence, have a prison record and are Malaysian citizens. The findings show that there is a certain meaning about the life of the Chow Kit area to the respondents in line with the argument of the Symbolic Interactionism Theory. In terms of the theme of meaning in life, the code found is to want to continue living life normally, be grateful for what you have and strive to improve life. While for the meaning of Jalan Chow Kit, the three codes found are that Jalan Chow Kit is considered a 'home' and a place to live, they see Jalan Chow Kit as a place full of access to help (or opportunity) and the existence of friends. The input of this study can be used as a guide to better understand this group, help meet their basic needs and subsequently reintegrate them into society. A good understanding of this group may also produce intervention programs to eradicate homelessness more effectively.

Keywords: meaning in life, the meaning of Jalan Chow Kit, Symbolic Interactionism Theory, survival, homeless former prisoners

PENDAHULUAN

Pada masa kini, Malaysia sudah menjadi sebuah negara yang tidak asing lagi dengan keberadaan golongan gelandangan yang bertumpu di beberapa bandar besar terutama di Jalan Chow Kit. Kewujudan golongan gelandangan masih tiada titik noktah, malahan ia menjadi isu sosial yang semakin serius disebabkan oleh kos sara hidup yang kian meningkat tinggi sehingga membuatkan ada sesetengah individu yang tidak dapat meneruskan kehidupan dengan baik (Yap, 2020). Kos sara hidup yang tinggi telah menyukarkan sesetengah golongan untuk menyewa rumah atau bilik sebagai tempat tinggal (Berawi & Ismail, 2019; Idris & Ramli 2017). Gelandangan pula bertumpu di bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur (Jasni et al., 2018; Jasni et al. 2019). Gelandangan yang lebih berusia mempunyai sokongan sosial yang lemah dan mempunyai prevalensi penyakit kronik, kemurungan dan penyalahgunaan dadah yang tinggi (Eysenbach, 2018). Penyalahgunaan dadah dalam kalangan gelandangan tidak dapat dinafikan menjadi salah satu faktor terbesar kepada berterusan kehidupan di jalanan.

Perjalanan hidup di jalanan membawa pelbagai peristiwa dan insiden yang penuh dengan kesukaran. Walaupun terdapat gelandangan yang bersifat episodik yang merujuk kepada individu yang sering kali mengalami mengalami tiga atau lebih episod kehilangan tempat tinggal dalam tempoh beberapa tahun lalu (Yildirim & Yildirim 2014), namun bukan suatu yang mudah untuk keluar secara kekal daripada kehidupan jalanan. Kebanyakan gelandangan yang mempunyai rekod pemenjaraan atau turut dirujuk sebagai gelandangan bekas banduan ini kerap menjadi kekal atau kronik di jalanan. Gelandangan wujud dalam pelbagai kategori termasuk episodik, sementara dan juga kronik. Dalam kajian ini, subjek kajian banyak melibatkan individu gelandangan bekas banduan dalam keadaan kronik yang hidup tanpa tempat tinggal yang melebihi setahun, tidak

mempunyai pekerjaan yang stabil dan banyak hidup dengan masalah ketagihan dadah yang berterusan.

Tempoh yang agak lama di jalanan boleh membawa kepada pembentukan makna kehidupan buat gelandangan bekas banduan. Kajian lepas banyak melaporkan Jalan Chow Kit sebagai salah satu kawasan persinggahan atau tempat yang dipilih oleh bekas banduan untuk menjalani hidup selepas dibebaskan dari penjara (Jasni et al., 2019; Ramli & Dawood 2017; Yani et al., 2016). Makna ini sebenarnya terhasil berdasarkan peristiwa yang dilaluinya. Mereka meletakkan makna pada sesuatu perkara (boleh terjadi daripada sebab kawasan, jalan, objek dan sebagainya). Mereka menghadapi pelbagai cabaran seperti penghinaan, pendiskriminasian, stigma dan kemiskinan apabila berada di jalanan (Crawley, Kane, Atkinson-Plato, Hamilton, Dobson & Watson, 2013). Terdapat dari kalangan yang mereka yang berulang kali berada di jalanan apabila setiap kali dibebaskan dari penjara. Penumpuan bekas banduan dalam jumlah yang semakin meningkat di sekitar Kuala Lumpur atas pelbagai faktor seperti penolakan keluarga, pengangguran, ketiadaan tempat tinggal, masalah kesihatan dan ketagihan dadah. Kehidupan jalanan yang sangat merumitkan tidak menghalang mereka untuk berterusan hidup secara bergelandangan (Nooe & Patterson, 2010). Ketiadaan peluang dan ruang untuk keluar dari kehidupan jalanan menyebabkan kebanyakan mereka seakan perlu menerima kehidupan tersebut. Kehidupan di jalanan yang berpanjangan memerlukan strategi daya tindak dalam menghadapi keadaan persekitaran yang merumitkan. Kesemua ini kemudian akan membentuk makna dalam kehidupan tersendiri apabila seseorang gelandangan bekas banduan yang secara berterusan hidup di jalanan. Pengalaman hidup di jalanan berupaya membina makna dalam kehidupan berdasarkan persekitaran sekeliling, keadaan Jalan Chow Kit, kota yang dipenuhi dengan bangunan konkrit dan termasuk komuniti yang lalu lalang di kawasan tersebut. Pengkaji melihat pemantauan dan interaksi gelandangan bekas banduan dengan keadaan sekeliling mampu membina makna dalam diri mereka tentang kehidupan yang dilalui dan makna Jalan Chow Kit itu sendiri.

Keadaan ini membuat pengkaji tertarik untuk mengkajinya secara saintifik dan empirikal. Gelandangan merupakan manusia yang memerlukan keperluan hidup yang sama seperti manusia lain. Kehidupan bergelandangan telah memberi banyak makna dan maksud yang membawa erti hidup di dalam diri mereka. Setiap manusia akan membentuk makna dalam kehidupan dari segi apa yang ingin dicapai dan apa yang akan dilakukan sepanjang hidupnya. Begitu juga buat gelandangan bekas banduan yang telah lama berada di jalanan, mereka pasti mempunyai makna kehidupan tersendiri. Pemilihan untuk berada di Jalan Chow Kit secara berulang dan tempoh yang panjang membawa kepada persoalan untuk meneroka pandangan mereka tentang makna kehidupan dan makna Jalan Chow Kit. Namun demikian, belum ada kajian saintifik yang meneroka perkara ini. Maka, kajian ini cuba mengisi kelompangan bagi mewujudkan pengetahuan baru tentang isu gelandangan bekas banduan dari sudut makna dalam kehidupan.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Gelandangan

Isu gelandangan merupakan masalah global memandangkan banyak negara di dunia sedang berhadapan dengan isu ini tanpa mengira negara tersebut berstatus negara mundur, membangun atau maju. Di mana-mana sahaja, terdapat individu gelandangan yang berjuang untuk mendapatkan makanan, pekerjaan dan tempat tinggal. Tinjauan yang dilakukan selama tiga dekad ini menunjukkan bilangan gelandangan menjadi semakin bertambah dan terdiri daripada pelbagai kategori umur, jantina, etnik dan komposisi keluarga (Grant, Gracy, Goldsmith, Shapiro & Redlener, 2013). Fenomena gelandangan yang berlaku semakin membimbangkan apabila masih belum menemukan solusi terbaik dalam menyelesaikan isu ini. Ketiadaan takrifan yang benar - benar jelas mengenai konsep gelandangan menyukarkan kajian untuk mengkategorikan atau membincangkan kehidupan gelandangan bekas banduan yang ada di Malaysia. Konsep gelandangan bekas banduan merupakan sebuah konsep baru yang ingin diperkenalkan apabila mengabungkan dua konsep besar iaitu gelandangan dan bekas banduan. Keperluan dalam mendefinisikan dan memahami konsep gelandangan ini dalam membolehkan pemahaman jelas terhadap konsep gelandangan bekas banduan ini. Berikutan itu juga, wujud pelbagai interpretasi sosial tentang takrifan gelandangan. Berikut adalah takrifan yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Hanson-Easey, Every, Tehan, Richardson & Krackowizer (2016) telah mentakrifkan gelandangan kepada tiga pengelasan iaitu gelandangan primer yang merupakan individu yang tidak berumah dan tinggal di jalanan, gelandangan sekunder iaitu individu yang bergerak di antara tempat perlindungan sementara termasuk tinggal di rumah kawan, keluarga atau penginapan sementara dan gelandangan tertier iaitu individu yang tinggal di bilik sewa yang mana persekitaran tempat tinggalnya mempunyai tahap keselamatan yang kurang baik.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan seramai 1,934 orang gelandangan (orang papa pengemis) pada tahun 2009, seramai 1,434 orang pada tahun 2010, seramai 1,446 orang pada tahun 2011, seramai 1,223 orang pada 2012, seramai 1,048 orang pada tahun 2013, seramai 1469 orang pada tahun 2014, seramai 1,527 orang pada tahun 2015 dan meningkat kepada 2278 orang pada 2016. Menurut Idris dan Ramli (2017), berlakunya penambahan jumlah gelandangan di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Ianya disokong oleh kajian Ramli dan Dawood (2017) yang menyatakan jumlah gelandangan yang tertinggi adalah berada di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang. Namun demikian, tiada statistik tentang jumlah gelandangan yang ada dari kategori individu yang memiliki rekod penjara. Ketiadaan maklumat tepat tentang jumlah sebenar individu gelandangan yang memiliki rekod pemenjaraan dari penjara. Walau bagaimanapun, beberapa kajian tempatan yang ada menyebut tentang lokaliti Kuala Lumpur sebagai tempat tumpuan gelandangan termasuklah bekas banduan (Berawi & Ismail 2019; Idris & Ramli 2017; Jasni et al. 2018; Jasni et al. 2019; Ramli & Dawood, 2017; Yani et al., 2016). Kuala Lumpur telah menjadi tempat persinggahan buat bekas banduan yang dibebaskan dari penjara. Isu penghijrahan dan penumpuan gelandangan bekas banduan secara beramai-ramai di sekitar Kuala Lumpur membuktikan perbincangan tentang kelompok ini harus mula dititikberatkan (Jasni, Omar, Ah, & Nasir, 2021). Ia membuktikan fenomena penumpuan gelandangan bekas banduan wujud. Pelbagai akhbar dan

laporan yang telah melaporkan tentang pengakhiran bekas banduan sebagai gelandangan atau wujudnya gelandangan dari kategori bekas banduan ini di sekitar Kuala Lumpur.

Kebanyakan bekas banduan berhadapan dengan isu peminggiran sosial disebabkan oleh mengalami ketiadaan tempat tinggal, masalah pengangguran, mengalami konflik penolakan keluarga, wujud pengaruh kepada penglibatan penyalahgunaan dadah dan berstatus bekas banduan (Jasni, Ah, & Nasir, 2020, 2021). Mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan rekod pemenjaraan (status sebagai bekas banduan) yang dipegang, keadaan fizikal mereka yang telah berusia, dibelenggu dengan masalah ketagihan dadah dan belum mengambil kira bagi yang mempunyai masalah penyakit kronik. Bagi yang bekerja pula, ada sebahagiannya dimanipulasi oleh majikan seperti dibayar upah yang rendah atau tidak dibayar gaji langsung. Disebabkan tidak banyak pilihan, mereka selalunya berterusan untuk melakukan pekerjaan tersebut. Kadang-kadang ada yang ditipu untuk beberapa bulan dan akhirnya memilih untuk melarikan diri dari majikan tersebut. Selain itu, isu komitmen dan fleksibiliti turut menjadi faktor dalam pemilihan jenis pekerjaan. Gelandangan juga cenderung untuk memilih pekerjaan yang tidak mempunyai peraturan kerja yang ketat. Pekerjaan yang memerlukan mereka bekerja untuk tempoh masa yang lama dan pekerjaan secara syif yang kurang diminati dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Kebanyakan gelandangan sukar mendapatkan pekerjaan yang memberi pendapatan secara bulanan apatah lagi untuk mendapatkan pendapatan yang stabil. Keadaan ini membuatkan golongan tersebut mengalami kesulitan kewangan ditambah lagi dengan kos sara hidup yang tinggi di bandar, maka mereka hanya mampu tinggal di kaki lima kedai, bangunan kosong atau bawah jambatan walaupun mempunyai pekerjaan. Dalam hal ini, faktor kemiskinan menjadi penyebab kepada kegagalan gelandangan bekas banduan untuk keluar daripada kehidupan bergelandangan. Rata-rata menjaadi gelandangan untuk jangka masa yang sangat lama. Keadaan bergelandangan yang terlalu lama menjadikan peluang untuk bebas dari menjadi gelandangan adalah sangat mustahil dalam kalangan gelandangan bekas banduan ini.

Kehidupan Gelandangan Bekas Banduan

Kajian ini akan memfokuskan pada gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian. Golongan gelandangan bekas banduan ini wujud disebabkan pelbagai faktor yang menghimpit dan mendesak, kemiskinan bandar, disisih keluarga, gangguan mental, dan ketagihan dadah atau arak. Kegagalan berintegrasi merupakan antara penyebab rata-rata bekas banduan terpaksa berakhir menjadi gelandangan. Oleh yang demikian, mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan hidup mereka seperti tiada tempat tinggal, kekurangan makanan dan sebagainya sehingga menyebabkan kehidupan mereka tidak terurus (Scott et al., 2014; Sota & Agolli, 2015). Gelandangan bekas banduan adalah sekumpulan bekas banduan yang tidak mempunyai tempat tinggal dan tidak mempunyai pekerjaan tetap malah mereka ini acap kali ketinggalan dalam era pemodenan negara. Mereka sanggup melakukan pelbagai pekerjaan dan aktiviti untuk memperolehi sumber kewangan bagi meneruskan hidup mereka. Namun demikian, pendapatan yang dijana hanya mampu menampung kelangsungan hidup setiap hari tetapi tidak mampu mengeluarkan mereka dari kehidupan jalanan. Kebanyakan gelandangan bekas banduan ini tidak mempunyai peluang dan ruang untuk keluar dari kehidupan bergelandangan. Pemilihan sebagai gelandangan bukan suatu yang dipinta tetapi nasib yang tidak menyebelahi mereka. Proses

berulang kali masuk ke dalam penjara dan melalui program pemulihan di dalam penjara ternyata tidak dapat mengubah nasib yang ada dalam kalangan mereka. Maka setiap kali pembebasan mereka akan melalui suatu proses berintegrasi semula yang sama dan tidak berjaya. Ia ibarat lingkaran hidup yang menyedihkan; dari penjara dan akan berakhir ke jalanan akhirnya.

Ramai bekas banduan menjadi gelandangan kerana mereka tidak lagi mampu memperoleh tempat tinggal, gagal mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dan ditolak keluarga (Geller & Curtis 2001). Terdapat juga bekas banduan yang mengalami peristiwa hidup yang mencabar seperti masalah hubungan suami isteri (akibat perceraian), kehilangan pekerjaan, masalah kesihatan mental atau fizikal, atau penyalahgunaan dadah yang memberi tekanan yang cukup besar dalam hidup mereka (Morrell-Bellai, Goering & Boydell, 2000; Shinn, 2007; Toro, 2007). Menjadi gelandangan telah menjadikan bekas banduan berada dalam keadaan bermasalah sepanjang menjalani kehidupan dan malahan ia sangat sukar untuk diselesaikan. Tidak ada angka nasional yang tepat untuk jumlah orang gelandangan bekas banduan di seluruh Malaysia. Malahan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak menyatakan dengan khusus tentang sosiodemografi dan latar belakang yang termasuk di dalam statistik ini. Hal ini kerana gelandangan dicatat secara berbeza di setiap negara, maka hal ini menyebabkan ada gelandangan yang tidak muncul dalam statistik rasmi kerajaan. Lebih sukar lagi apabila statistik gelandangan yang ada di dunia tidak melaporkan dengan spesifik jenis gelandangan. Kebimbangan timbul apabila jumlah bekas banduan yang tiada tempat tinggal atau hidup secara bergelandangan ini tidak dicatat secara tepat dalam statistik rasmi. Seseorang bekas banduan dikenali sebagai gelandangan apabila terpaksa hidup di jalanan selepas dibebaskan dari penjara (Nooe & Patterson 2010). Kebanyakan mereka akan memilih tinggal di gudang, garaj atau bangunan yang kosong, pusat transit atau tempat perlindungan sementara. Malahan, statistik pengulangan jenayah hanya melaporkan jumlah pengulangan jenayah tetapi tidak diketahui berapa daripada mereka yang dari kehilangan rumah atau berstatus penganggur atau penagih dadah. Banyak yang tidak diketahui daripada statistik tersebut sebenarnya. Ketidakpastian jumlah yang berjaya berintegrasi semula secara tepat; yang memperoleh tempat tinggal, mendapatkan pekerjaan, diterima keluarga, bebas dadah dan sebagainya. Angka pengulangan jenayah yang ada hanya menggambarkan jumlah pengulangan jenayah dan seakan meletakkan andaian bahawa mereka ini tidak berjaya tetapi pada hakikat sebenarnya tidak mengetahui atas faktor risiko apa dan jenayah apa.

Selain tiada tempat tinggal, mereka juga terpaksa hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan kadang-kadang tidak makan kerana mereka tidak mampu untuk membeli makanan dan kadang-kadang terpaksa mengharapkan pihak NGO yang turun padang memberi bantuan makanan kepada mereka. Dengan kekurangan sumber dan bantuan, golongan gelandangan bekas banduan akan berterusan menjadi gelandangan untuk jangka masa yang lama. Isu gelandangan bekas banduan bukanlah suatu fenomena yang baru berlaku di negara kita, malah isu ini telah menjadi satu masalah sosial yang semakin berleluasa semenjak wujudnya sistem pemenjaraan. Rata-rata bekas banduan yang tidak dapat berintegrasi semula ke dalam masyarakat akan berakhir hidup menjadi gelandangan. Kehidupan di jalanan ini boleh mendatangkan kesan negatif terhadap kesihatan mereka. Golongan gelandangan bekas banduan lebih mudah terdedah kepada penyakit, apatah lagi ketika pandemik yang sedang melanda dunia ketika ini. Dalam keadaan negara dilanda wabak Covid-19, golongan gelandangan bekas banduan mempunyai risiko tinggi untuk terdedah dan menjangkiti antara satu sama lain. Mereka yang tidak mempunyai

tempat untuk ditujui, rumah atau bilik untuk berlindung, dan mempunyai kelengkapan yang cukup dalam memastikan kebersihan diri (akses kepada sanitizer, penutup muka, termometer, pakaian yang bersih dan sebagainya).

Malahan, mereka juga kurang mengetahui jenis-jenis penyakit yang mereka boleh alami kerana mereka tidak mempunyai maklumat dan juga ilmu pengetahuan yang cukup. Keadaan hidup gelandangan bekas banduan yang tidak terurus dan tinggal di kawasan kotor juga boleh menyebabkan mereka dengan mudah dijangkiti penyakit seperti penyakit berjangkit. Masalah penyakit kronik yang dihadapi sering membawa kepada kematian yang selalu berpunca daripada pneumonia. Masalah sebegini sering berlaku disebabkan cuaca yang tidak menentu dan ketiadaan tempat berteduh. Kematian dalam kalangan gelandangan di jalanan bukan suatu yang memeranjatkan. Ia banyak berpunca daripada keadaan hidup dan penyakit yang dihadapi. Kebanyakan mereka sering enggan mendapatkan rawatan hospital di sebabkan oleh pelbagai faktor; antaranya ketiadaan dokumentasi yang lengkap seperti kad pengenalan, kebimbangan kepada stigma yang boleh dihadapi dari pihak hospital, dan kebimbangan terhadap bil hospital yang tidak mampu dibiayai. Hal ini akan memberikan impak negatif kepada kerajaan dan masyarakat. Menurut Harmony, Suzanne, Eric, Hailey dan Benjamin (2017), golongan gelandangan mengalami risiko yang tinggi terhadap sebarang penyakit dan kesihatan sosial. Masalah penyakit khususnya penyakit berjangkit ini boleh menjejaskan kesihatan mereka secara berlarutan. Maka dengan itu, kaitan di antara gelandangan bekas banduan dengan penyakit tidak dapat dinafikan.

Maksud Makna Dalam Kehidupan

Secara mudahnya, makna dalam hidup adalah pemboleh ubah positif yang menjelaskan tentang kesejahteraan seseorang itu (Galang, Magno, Patterno & Roldan, 2011). Berdasarkan pemahaman makna dalam kehidupan, seseorang mampu memberi petunjuk kepada kesejahteraan yang dialaminya. Subjek makna dalam kehidupan dapat dipertimbangkan pada dua tahap: sebagai salah satu keperluan manusia dan sebagai mempunyai rasa makna dalam kehidupan (Glaz, 2013). Seseorang manusia memenuhi maksudnya dalam kehidupan dengan berusaha mencapai kesempurnaan dalam komuniti tertentu. Begitu juga buat gelandangan bekas banduan yang didapati telah berulang kali untuk berakhir hidup di Jalan Chow Kit, sudah tentu mereka mempunyai sebab tersendiri dan telah membentuk makna dalam kehidupan tentang kawasan tersebut. Ilham kajian ini bermula daripada persoalan tentang faktor yang membawa kepada penghijrahan gelandangan bekas banduan secara berulang ke Jalan Chow Kit. Penghijrahan secara berulang ini sebenarnya mampu menjawab tentang makna dalam kehidupan yang terbina buat gelandangan bekas banduan dan makna Jalan Chow Kit dalam diri mereka. Anggapan pengkaji ialah sekiranya sebuah tempat itu membawa makna yang tidak bagus kepada mereka, sudah tentu perkembalian ke Chow Kit setiap kali bebas dari penjara tidak begitu ketara.

Pengkaji juga melihat makna dalam kehidupan ini sebenarnya menunjukkan pencapaian diri dari potensi seseorang. Sama dengan gelandangan bekas banduan, pemahaman tentang makna dalam kehidupan mereka berupaya untuk mengetahui lebih lanjut tentang potensi dan daya upaya mereka sebagai gelandangan. Proses kehidupan sebagai gelandangan telah membentuk makna dalam kehidupan tersebut. Perkara sebegini harus direkodkan bagi mengisi kelengkapan

pengetahuan tentang makna dalam kehidupan golongan berisiko ini. Makna dalam kehidupan berkaitan dengan kehendak akal, yang merupakan kecenderungan dinamik yang memotivasi seorang untuk mengambil tindakan bagi memenuhi keperluannya (Glaz, 2013). Kehidupan gelandangan bekas banduan sebagai suatu proses dalam memenuhi keperluan dan memastikan kelangsungan hidup. Orang yang menilai hidup mereka sebagai sangat bermakna adalah lebih baik dalam banyak hal berbanding orang yang menilai kehidupan mereka sebagai kurang bermakna (Heintzelman, Trent, & King, 2013). Menurut Heintzelman et al. (2013), makna pelaporan diri yang lebih besar dalam hidup dikaitkan dengan kualiti hidup yang lebih baik (Krause, 2007), kesihatan diri yang lebih baik (Steger, Mann, Michels, & Cooper, 2009), penyesuaian pekerjaan yang lebih baik (Littman, Ovidia & Steger, 2010), penyesuaian adaptif yang lebih baik (Thompson, Coker, Krause, & Henry, 2003), masalah gangguan psikologi yang lebih rendah (Owens, Steger, Whitesell, & Herrera, 2009; Steger & Kashdan, 2009) dan idea terhadap membunuh diri yang lebih rendah (Heisel & Flett, 2004), kemerosotan keupayaan kognitif yang berkaitan dengan usia yang lebih perlahan (Boyle, Buchman, Barnes, & Bennett, 2010), dan kadar kematian yang rendah (Boyle, Barnes, Buchman, & Bennett, 2009; Krause, 2009). Menurut Brassai, Piko dan Steger (2011), makna dalam hidup boleh melindungi seseorang terhadap masalah kesihatan mental serta penglibatan dalam tingkah laku berisiko (cth: penyalahgunaan dadah).

Idea bahawa pengalaman makna mungkin disebabkan oleh ciri persekitaran yang berlaku disekeliling. Kehidupan jalanan ini boleh mempengaruhi permikiran gelandangan bekas banduan tentang makna dalam kehidupan tersebut. Lebih umum lagi, makna didefinisikan sebagai proses konstruktif, dan manusia digambarkan sebagai pembuat makna semula jadi (Heine, Proulx, & Vohs, 2006). Secara keseluruhan ini, pemahaman tentang makna kehidupan ini sangat penting apabila ia boleh memberikan gambaran tentang kehidupan gelandangan bekas banduan. Pemahaman tentang makna dalam kehidupan gelandangan bekas banduan mampu memberi ruang kepada masyarakat untuk mengetahui proses perjalanan kehidupan yang dilalui oleh golongan tersebut. Kelompangan yang wujud tentang kumpulan gelandangan bekas banduan ini dari segi makna dalam kehidupan. Keperluan untuk merekodkan agar dapat mengambil pandangan yang diketahui dan diterjemahkan ke dalam bentuk program dan perkhidmatan yang bersesuaian dalam membantu gelandangan bekas banduan. Ilmu sebegini harus dikembangkan dalam mencari jawapan baru kepada badan pengetahuan terutama dari aspek makna dalam kehidupan tersebut.

KERANGKA TEORITIKAL

Teori Interaksi Simbolik

Idea tentang makna dalam kehidupan dapat difahami dengan menggunakan Teori Interaksi Simbolik. Pemilihan Teori Interaksi Simbolik ini memandangkan ia boleh memberi pemahaman tentang makna yang terbentuk menerusi interaksi di antara individu yang wujud. Ia terhasil daripada interaksi apabila wujudnya pertukaran makna menerusi bahasa dan bentuk simbol. Para sarjana teori seperti Herman dan Reynolds (1994) menyatakan bahawa teori ini melihat seseorang yang bergiat aktif dalam membina kehidupan sosial mereka dan bukan berdasarkan tindakan

semata-mata. Teori interaksi simbolik adalah sebahagian daripada perspektif sosiologi yang telah berkembang semenjak pertengahan abad kedua puluh dan terus menjadi antara teori yang berpengaruh dalam beberapa disiplin ilmu sains sosial. Teori ini berasal dari falsafah pragmatisme Amerika dan karya George Herbert Mead sebagai suatu kaedah pragmatik untuk menafsirkan interaksi sosial (Caglar & Avlar, 2015). Teori interaksi simbolik telah digunakan dalam menganalisis masyarakat dengan menyelami makna subjektif yang berlaku dalam diri seseorang terhadap objek, peristiwa, dan tingkah laku. Interaksi simbolik adalah berdasarkan tiga cadangan asas menurut Blumer (Aksan, Kısac, Aydın, & Demirbuken, 2009) iaitu;

- i. Manusia mengembangkan sikap mereka terhadap sesuatu mengikut makna yang dicadangkan oleh sesuatu kepada mereka.
- ii. Makna disimpulkan dari interaksi salah satu dari mereka dari penerima.
- iii. Makna berubah dalam proses penafsiran

Blumer telah mencipta terma interaksi simbolik dan menetapkan premis asas bahawa manusia akan berinteraksi dengan perkara berdasarkan makna yang telah diberikan kepada perkara-perkara tersebut; makna sesuatu yang berasal dari interaksi seseorang dengan orang lain dan masyarakat; makna sesuatu boleh ditafsirkan oleh seseorang ketika berurusan dengan perkara dalam keadaan tertentu (Blumer, 1969).

Para sarjana lain dalam bidang sains sosial telah membentuk permikiran interaksi simbolik dengan mengenal pasti corak interaksi yang wujud di antara mereka. Teori ini merujuk kepada kesan komunikasi dan interaksi yang wujud dalam diri seseorang untuk memberi gambaran dan implikasi normal (Hall, 2007). Dengan kata lain, teori ini merupakan kerangka konsep yang berupaya untuk memahami interaksi antara individu dengan individu yang lain untuk membina dunia simbolik dan bagaimana keadaan sekeliling mampu mencorak tingkahlaku seseorang (West & Turner, 2017). Dengan itu, kerangka konsep ini membantu memahami bagaimana sesebuah masyarakat dicipta menerusi interaksi yang berlaku secara berulang antara seorang individu dengan individu yang lain. Proses mentafsir perkara yang berlaku dalam interaksi boleh membantu mencipta makna dalam diri seseorang. Selain itu, proses yang berlaku ini adalah sebagai pemahaman dan pentafsiran makna secara bersama yang boleh mempengaruhi interaksi antara individu.

Tindakan seseorang individu adalah berlaku berdasarkan premis pemahaman yang berlaku secara bersama mengenai sesuatu makna dalam konteks sosial mereka. Maka dengan itu, interaksi dan tingkah laku dibentuk menerusi makna seseorang bersama objek dan konsep yang telah melekat di dalam dirinya. Makna subjektif diberikan keutamaan kerana dipercayai bahawa manusia bertingkah laku berdasarkan perkara yang mereka percaya dan bukan hanya pada perkara yang benar secara objektif. Oleh itu, masyarakat dianggap telah dibina secara sosial melalui tafsiran manusia terhadap sesuatu perkara yang dialami dalam hidup mereka. Pengalaman yang dilalui oleh gelandangan bekas banduan daripada proses kehidupan boleh membentuk makna dalam kehidupan tersendiri. Apa yang ingin diketengahkan oleh pengkaji apabila makna dalam kehidupan gelandangan bekas banduan adalah produk yang terhasil daripada pengalaman dan proses kehidupan yang dilalui oleh mereka di jalanan. Menerusi pemahaman tentang makna dalam kehidupan, pengkaji dapat meneroka bagaimana gelandangan bekas banduan menafsirkan peristiwa atau persekitaran yang wujud di sekeliling tingkah laku yang berlaku di antara satu sama lain, dan penafsiran inilah yang membentuk ikatan sosial

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Pada September 2020, sebuah kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologi dengan menjadikan gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian. Penggunaan pendekatan fenomenologi sebagai reka bentuk kajian terbukti mampu membolehkan pengkaji menyelami perasaan individu atau sekelompok individu tentang sesuatu fenomena. Kajian ini telah memilih untuk menyelami makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit buat gelandangan bekas banduan. Maka, penggunaan kaedah kualitatif ternyata bersesuaian dengan objektif kajian yang cuba dicapai.

Lokasi kajian, Sampel dan Teknik persampelan

Kajian ini telah memilih Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian memandangkan tempat tersebut menjadi penumpuan bekas banduan yang hidup di jalanan selepas dibebaskan. Pelbagai kajian tempatan telah bersetuju tentang fenomena yang berlaku dengan menyatakan penumpuan dan berlakunya kehadiran gelandangan dari kalangan bekas banduan di sekitar Kuala Lumpur. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 15 orang gelandangan bekas banduan sebagai sampel kajian. Pengkaji telah menetapkan kriteria inklusif iaitu gelandangan yang mempunyai rekod pemenjaraan, hidup di jalanan, tidak mempunyai tempat tinggal dan tidak mempunyai pekerjaan yang stabil serta berstatus warganegara Malaysia. Pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bertujuan dan persampelan bola salji untuk mendapatkan sampel yang diperlukan. Pengkaji telah mendapatkan bantuan daripada Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur. Pertubuhan tersebut membantu klien seperti penagih, bekas banduan, fakir miskin, pekerja seks, orang kurang upaya, orang yang hidup bergelandangan di sekitar Chow Kit. Khidmat bantuan pertubuhan ini digunakan memandangkan mereka mempunyai hubungan yang erat dengan klien dan membolehkan penemuan dengan responden yang diperlukan. Pertubuhan ini telah mengenalpasti responden berdasarkan kriteria inklusif yang telah ditetapkan oleh kajian.

Proses pengumpulan data telah dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam. Memandangkan kajian ini dijalankan ketika pandemik Covid-19, pengkaji telah memastikan prosedur operasi standard ketika pandemic dipatuhi. Temu bual dilakukan di pejabat operasi Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur. Pengkaji telah mengambil suhu dan bertanyakan tentang simptom yang ada seperti demam, batuk dan selsema setiap responden. Proses pengumpulan data telah dijalankan sebaik semua responden telah melepasi semakan kesihatan yang disediakan. Dari sudut etika, pengkaji telah memaklumkan tentang kerahsiaan yang akan dijaga, ketampanamaan yang akan ditetapkan serta menukar nama para responden ke nama samaran di dalam laporan. Malahan, pengkaji juga memaklumkan tentang hak responden untuk mengelak dari menjawab mana-mana soalan dan boleh mengundurkan diri pada bila-bila masa sepanjang temu bual dijalankan. Pengkaji meminta responden untuk memberi kebenaran sebelum meneruskan proses temu bual. Pengkaji telah menggunakan pita rakaman bagi merakamkan sesi temu bual. Proses temu bual telah berjalan lebih kurang selama 45 minit sehingga satu jam untuk

setiap responden. Pencarian responden telah dihentikan pada responden yang ke-15 apabila pengkaji mendapati data yang diperlukan telah mencapai saturasi maklumat yang diperlukan.

Teknik Analisis

Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti versi 9 untuk mengekod dapatan secara analisis tematik. Setelah selesai sesi temu bual, pengkaji proses menyalin semula rakaman temu bual yang dijalankan ke dalam perisian *Microsoft Words*. Pengkaji telah menyalin setiap ayat yang diucapkan oleh responden dan menjadikan di dalam bentuk transkrip. Setelah menyiapkan semua transkrip, pengkaji memasukkan ke dalam perisian Atlas.ti. Perisian tersebut membantu proses pengekodan kajian memandangkan boleh menjejak setiap kod yang dibuat dan mengabungkan kesemua petikan yang dipilih sebagai kod di dalam satu kumpulan yang sama (kod). Seterusnya, pengkaji akan memilih kod-kod yang membawa makna yang sama ke dalam satu tema. Pengkaji mengulangi beberapa kali proses pengekodan bagi mendapatkan pemahaman yang jelas tentang setiap maklumat. Proses pengekodan telah mengambil masa hampir sebulan. Pengkaji perlu memastikan proses kajian yang dilakukan ke atas 15 orang responden telah mencapai ketepuan (saturasi). Pengkaji telah mengeluarkan semua tema dan kod yang ditemui di dalam bentuk laporan apabila telah berpuas hati dengan hasil yang diperolehi.

HASIL KAJIAN

Profil Demografi Sosial Responden

Kajian ini melibatkan 15 orang responden yang terdiri gelandangan bekas banduan. Nama setiap responden digantikan dengan nama samaran bagi merahsiakan identiti responden. Tindakan ini penting kerana ia merupakan satu kajian sensitif yang melibatkan responden yang berisiko tinggi untuk dilabel negatif oleh masyarakat. Pengkaji meringkaskan maklumat demografi sosial responden gelandangan bekas banduan dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan majoriti responden telah melalui kehidupan gelandangan melebihi setahun. Terdapat empat responden yang telah menjadi gelandangan melebihi 20 tahun. Keadaan ini menunjukkan fenomena bekas banduan menjadi gelandangan sememangnya benar-benar berlaku di Malaysia. Kajian ini telah membuktikan kerevelanan untuk direkodkan secara sistematik agar menjadi panduan untuk kajian-kajian pada masa akan datang.

Berdasarkan Jadual 1, 14 adalah lelaki manakala seorang sahaja responden wanita. Umur responden adalah dari 30 hingga 80 tahun. Majoriti responden menunjukkan dari kalangan pengulanglaku jenayah. Hanya empat orang sahaja merupakan banduan kali pertama (*first time offender*). Sejumlah 12 orang responden mempunyai rekod pemenjaraan disebabkan oleh jenayah dadah. Sembilan orang responden mempunyai masalah ketagihan dadah. Pengkaji mendapati rata-rata responden menunjukkan ketagihan yang tinggi terhadap dadah yang pelbagai termasuk ganja dan heroin. Hanya empat orang responden yang menyatakan mereka berhenti dari masalah ketagihan manakala hanya dua orang yang menyatakan tidak mempunyai sebarang ketagihan pada dadah. Menariknya untuk kajian ini, walaupun kehidupan mereka yang daif dan hidup sebagai

gelandangan, namun sembilan orang responden menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang penyakit kronik mahupun berjangkit.

Special Issue: Vol. 18. No.8 (2021). 82-106. ISSN: 1823-884x
Theme: Social Issues and Challenges of The Covid Pandemic 19

Jadual 1: Profil Demografi Sosial Responden Gelandangan Bekas Banduan

No.	Demografi Responden	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
1	Jalil	Lelaki	Melaka	56 tahun	Tingkatan tiga	5 kali penjara	Dadah	3 tahun	Bujang	Berhenti	Tiada	Penolakan keluarga
2	Yusuf	Lelaki	Kelantan	40 tahun	Tingkatan tiga	4 kali	Dadah	4 tahun	Bujang	Ketagih	Tiada	Penolakan keluarga
3	Ilham	Lelaki	Kedah	33 tahun	Tingkatan dua	6 kali penjara	Curi dan dadah	5 tahun	Bujang	Ketagih (Heroin)	Tiada	Penolakan keluarga
4	Iman	Lelaki	Perak	56 tahun	Tingkatan 6	36 rekod (Jumlah pemenjaraan tidak diketahui)	Dadah	2 tahun	Bujang	Ketagih	Hanya Asma	Penolakan keluarga
5	Halim	Lelaki	Perak	35 tahun	Darjah 6	1 kali penjara	Mencuri	2 tahun	Bujang	Tiada ketagihan	Tiada	Isteri dipenjara di penjara kajang Mak masih hidup. Ayah sudah meninggal
6	Shima	Perempuan	Sarawak	30 tahun	Tingkatan 3	24 kali (keluar masuk penjara)	Ic hilang dan dadah	12 tahun	Janda	Ketagihan	HIV	Penolakan keluarga/ disingkir oleh keluarga
7	Yusairi	Lelaki	Perak	36 Tahun	Sijil Kemahiran	6 Kali	Jenayah pecah masuk	8 Tahun	Duda	Ketagihan	Hepatitis c	Penolakan keluarga
8	Azim	Lelaki	Negeri Sembilan	60 Tahun	Tingkatan 5	4 kali	Dadah (Heroin)	30 Tahun	Duda	Ketagihan (Heroin)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga

Special Issue: Vol. 18. No.8 (2021). 82-106. ISSN: 1823-884x
Theme: Social Issues and Challenges of The Covid Pandemic 19

9	Rahim	Lelaki	Selangor	56 Tahun	Tingkatan 5	8 kali	Dadah	4 Tahun	Berkahwin	Berhenti	Tiada	Keluarga isteri membantu
10	Akbar	Lelaki	Kedah	53 Tahun	Tingkatan 5	3 Kali	Dadah	20 tahun	Bujang	Berhenti (sedang mengambil program methadone)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga
11	Manaf	Lelaki	Selangor	59 Tahun	Tingkatan 5	1 kali	Dadah	1 Tahun	Duda	Tidak mempunyai ketagihan	Tiada	Penolakan Keluarga
12	Naim	Lelaki	Kuala Lumpur	64 Tahun	Tingkatan 5	9 kali	7 Dadah dan 2 senjata	32 Tahun (berulang kali menjadi gelandangan)	Duda	Ketagihan (heroin)	Tiada	Responden menjauhkan diri dari keluarga.
13	Danish	Lelaki	Perak	80 Tahun	Darjah 6	1 kali (32 tahun penjara)	Jual ganja	20 Tahun (pernah tinggal di PTG dan akhirnya hidup di jalanan)	Duda	Ketagihan (ganja)	Darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Responden tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.
14	Faiz	Lelaki	Melaka	59 Tahun	Darjah 6	1 kali	Dadah	7 tahun (gelandangan)	Bujang	Berhenti	Asma	Responden tidak mahu menyusahkan keluarga.
15	Zamani	Lelaki	Kedah	31 Tahun	Tingkatan 3	6 Kali	Dadah	3 Tahun	Bujang	Ketagihan	Psikologi	Adik beradik tidak boleh menerima responden

Berdasarkan Jadual 1 juga, lapan orang responden didapati ditolak oleh keluarga. Majoriti mereka bertekad untuk tidak lagi mengganggu keluarga dengan keluar dari kampung halaman dan menetap di Kuala Lumpur. Hanya seorang responden yang telah berkahwin manakala lapan orang responden adalah bujang dan selebihnya adalah duda atau janda. Kajian menunjukkan majoriti responden telah hidup di jalanan dalam tempoh yang begitu lama. Keadaan ini membawa kepada persoalan tentang makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit buat bekas banduan yang dibebaskan dari penjara. Dua persoalan yang dikaji adalah untuk menyelami makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit buat gelandangan bekas banduan.

Makna dalam Kehidupan

Kajian ini meneroka makna kehidupan responden kajian yang terdiri daripada gelandangan bekas banduan. Terdapat beberapa tema yang ditemui apabila bertanya pendapat mereka tentang makna kehidupan apabila berada di jalanan.

i. Ingin meneruskan menjalani kehidupan dengan biasa

Kebanyakan responden menyatakan keinginan untuk meneruskan kehidupan seperti biasa. Mereka sedar tentang keadaan dan status mereka sebagai gelandangan bekas banduan. Maka, mereka kelihatan akur dan redha dengan keadaan yang menimpa diri mereka. Keadaan tersebut menyebabkan responden ada menyebut tentang perasaan mereka untuk terus dengan hidup mereka di jalanan. Berikut merupakan verbatim yang menyatakan perkara ini:

“Saya memang teruskan sahaja hidup di jalanan ini. Memang tak ada pilihan”
(Jalil/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“ Saya tengok hidup saya ini memang akan berakhir selamanya. Maka memang akan berterusan dengan hidup macam ini.”
(Rahim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Hidup seperti biasa sahaja la. Saya pun tak tahu apa nak buat lagi selain buat macam ini (hidup bergelandangan)”
(Manaf/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Tiada pilihan. Jadi saya buat macam biasa sahaja. Bangun pagi dan cari duit dan cari makan dan buat benda-benda lain yang boleh”
(Naim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

ii. Bersyukur dengan apa yang ada; dan

Malahan, terdapat juga responden yang menyatakan mereka bersyukur dengan apa yang ada. Mereka turut menyatakan tentang orang lain yang hidup lebih sukar daripada mereka. Berikut adalah beberapa petikan temu bual berkaitan hal ini:

“Ikutkan saya bersyukur sahaja dengan hidup saya. Ada orang hidup lagi susah dari saya. Allah (tuhan) maha adil. Dia tidak akan uji hambanya dengan dugaan yang seseorang tidak boleh tanggung”

(Yusairi/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Saya sudah sampai satu tahap bersyukur dengan hidup saya. Saya masih boleh mendapatkan makanan. Ada bantuan makanan dari NGO. Saya tidak kelaparan. Saya tidak menanggung masalah”

(Azim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Saya lihat hidup ini kita kena terima (syukur) dengan apa yang Allah (tuha) telah tentukan. Saya masih mampu hidup sehingga hari ini. Saya pun tak kacau orang. Memang hidup saya sahaja macam ini”

(Akbar/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Saya memilih untuk bersyukur dengan diri. Banyak juga hidup saya yang lepas (pengalaman) yang lebih teruk dari hari ini. Saya rasa terima dengan hidup ini. Saya buat hal saya setiap hari.”

(Danish/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

iii. Berusaha untuk memperbaiki kehidupan

Pengkaji turut menemui tema yang menyatakan tentang perasaan untuk berusaha memperbaiki kehidupan. Mereka menyatakan akan melakukan apa sahaja demi mendapatkan kewangan dan kelangsungan hidup. Mereka turut menyebut tentang tidak memilih pekerjaan atau aktiviti yang dapat menyumbang kepada pendapatan. Kebanyakan mereka akan memastikan mereka dapat memperbaiki kekurangan yang ada di dalam diri. Berikut adalah beberapa petikan temu bual berkaitan tema ini:

“Saya memang mencari peluang untuk mendapatkan pendapatan. Saya akan cari barang terpakai dan akan jual di pasar karat. Itulah aktiviti saya setiap hari. Sekurang-kurang saya dapat duit setiap hari”

(Yusuf/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“saya ada juga mencari pekerjaan dengan bertanya kawan-kawan. Saya mencari cara untuk mendapatkan bantuan. Mungkin boleh berubah sedikit jadi lebih baik”

(Halim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Saya cari jalan juga untuk mengubah nasib. Saya buat macam-macam setiap hari. Saya bangun seawal pagi. Saya cari jalan untuk buat duit”

(Zamani/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

Perspektif Terhadap Makna Jalan Chow Kit

Selain makna dalam hidup, kajian ini turut meneroka tentang perspektif makna Jalan Chow Kit dalam diri mereka. Hal ini kerana pengkaji mendapati mereka secara berulang menjadi gelandangan di Chow Kit apabila dibebaskan. Malahan, mereka telah menjadi gelandangan untuk tempoh yang agak panjang. Kehidupan bergelandangan yang panjang boleh membentuk makna Jalan Chow Kit buat mereka. Terdapat tiga kod yang ditemui tentang makna Jalan Chow Kit. Antaranya seperti berikut:

i. Jalan Chow Kit dianggap sebagai ‘rumah’ dan tempat tinggal

Kod pertama yang ditemui adalah rata-rata gelandangan bekas banduan melihat makna Jalan Chow Kit buat mereka adalah ia dilihat sebagai rumah atau tempat tinggal buat mereka. Mereka sering melihat Jalan Chow Kit sebagai tempat untuk ditujui apabila setiap kali dibebaskan. Mereka didapati telah menjadikan Jalan Chow Kit sebagai ‘rumah’ buat mereka. Beberapa perkataan rumah telah disebut oleh responden apabila ditanya tentang makna Jalan Chow Kit. Keadaan ini membuatkan pengkaji telah mengekod makna Jalan Chow Kit ini sebagai ‘rumah’ dan tempat tinggal buat mereka. Berikut adalah beberapa petikan temu bual:

“Bagi saya Jalan Chow Kit ini seperti rumah buat saya. Bila keluar dari penjara, memang tiada tempat lain saya akan pergi melainkan menuju ke Jalan Chow Kit”

(Ilham / Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Saya melihat Jalan Chow Kit sebagai tempat tinggal saya. Saya sudah lama berada di Jalan Chow Kit. Masyarakat di Jalan Chow Kit seperti keluarga saya”

(Shima/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Jalan Chow Kit sudah menjadi rumah untuk saya tinggal. Mana saya nak pergi. Keluarga pun tidak menerima. Akhirnya saya lebih selesa untuk tinggal di Jalan Chow Kit ini (rumah)”

(Azim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Jalan Chow Kit merupakan tempat untuk saya menghabiskan hidup saya. Saya sudah lihat Chow Kit sebagai rumah kedua. Banyak memori yang saya simpan sepanjang hidup berjalan di Jalan Chow Kit. Terdapat suka duka apabila hidup di bergelandangan”

(Akbar/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

ii. Mereka melihat Jalan Chow Kit sebagai tempat yang penuh dengan akses kepada bantuan (atau peluang); dan

Seterusnya pengkaji menemui makna Jalan Chow Kit sebagai suatu tempat yang memudahkan mereka untuk mendapatkan pelbagai akses kepada bantuan dari segi makanan, ubat-ubatan, dan sebagainya. Rata-rata menyatakan mereka mudah memperolehi bantuan apabila berada di Jalan Chow Kit. Keadaan ini telah membuatkan mereka sangat selesa apabila berada di Jalan Chow Kit. Pengkaji melampirkan petikan temu bual seperti berikut:

“Apa yang saya melihat Jalan Chow Kit sebab banyak peluang yang ada. Kita mudah mencari rezeki dan pada masa sama, makanan banyak disediakan oleh NGO di sekitar sini”

(Yusuf/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Jalan Chow Kit tempat yang banyak memberikan bantuan keperluan hidup. Hampir setiap hari, NGO menyediakan makanan buat kita. Malahan, mereka ada menyediakan bantuan keperluan asas yang lain”

(Yusairi/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Di sini (merujuk kepada Jalan Chow), NGO banyak yang membantu orang yang macam kami (merujuk kepada gelandangan). Mereka menyediakan makanan setiap hari. Pada waktu pandemik, makanan tetap diberikan setiap hari”

(Naim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

iii. Wujudnya rakan dan persahabatan di Jalan Chow Kit

Pengkaji juga telah menemui kod tentang wujudnya rakan dan hubungan persahabatan apabila ditanya tentang makna Jalan Chow Kit. Rata-rata responden menyatakan ramai kawan-kawan yang bertumpu di sekitar Jalan Chow Kit. Mereka menyatakan mereka membentuk hubungan persahabatan sepanjang berada di Jalan Chow Kit. Keadaan ini menyebabkan mempunyai jaringan persahabatan yang bagus di Jalan Chow Kit. Pengkaji menyertakan beberapa petikan temu bual mengenai hal ini:

“Di Jalan Chow Kit ini, saya mempunyai kawan dan sahabat. Mereka menerima saya seperti keluarga mereka. Mereka sedar kita semua hidup senasib. Begitu saya melihat Jalan Chow Kit”

(Halim/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Saya mempunyai ramai kawan-kawan. Mereka semua macam saya juga. Saya berkawan dengan mereka sebab mereka menerima kita”

(Danish / Lokasi : Jalan Chow Kit)

“Selalunya, Jalan Chow Kit tempat yang penuh dengan kawan. Kita lepak dengan dorank (mereka) setiap hari”

(Faiz/ Lokasi : Jalan Chow Kit)

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Pembinaan makna dalam kehidupan telah mendapat perhatian yang semakin meningkat dalam banyak bidang psikologi dan perubatan (Brandstatter, Baumann, Borasio, & Fegg, 2012). Dalam kajian ini, pengkaji cuba membincangkan isu makna dalam kehidupan dari sudut kerja sosial dan keadilan jenayah. Pemahaman tentang bagaimana seseorang individu atau sekelompok membentuk makna dalam kehidupan pada sesuatu berdasarkan interaksi yang dilakukan. Objektif kajian ini dalam menyelami makna dalam kehidupan yang dibentuk oleh para gelandangan bekas banduan serta makna Jalan Chow Kit buat mereka ini. Peristiwa yang dialami oleh gelandangan bekas banduan dalam melalui kehidupan sebagai gelandangan di jalanan sepastinya membentuk makna dalam kehidupan tersendiri. Ia adalah proses yang terbentuk menerusi pemerhatian dan perjalanan yang dilalui sepanjang hidup di jalanan. Isu gelandangan bekas banduan adalah penting untuk diberi perhatian kerana pendedahan hidup secara gelandangan oleh golongan ini telah memburukkan lagi keadaan mereka disebabkan oleh perasaan diri yang tersisih daripada keluarga dan masyarakat. Keperluan buat sistem keadilan jenayah terutama Jabatan Penjara Malaysia, agensi kebajikan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemegang taruh yang berkaitan tentang isu gelandangan bekas banduan. Banyak yang dapat diperelajari daripada maklumat tentang makna dalam kehidupan dalam kalangan gelandangan bekas banduan yang diperolehi.

Kajian ini didasari oleh Teori Interaksi Simbolik untuk membincangkan dapatan kajian yang ditemui. Penggunaan interaksi simbolik sebagai salah satu teori mikro sosiologi yang berusaha untuk memberi jawapan tentang pembentukan makna dalam diri seseorang menerusi interaksi individu dengan masyarakat. Hasil pemahaman pengkaji, dapatan yang diperolehi telah menyokong apa yang dibahaskan oleh teori Interaksi Simbolik ini. Mengikut teori ini, manusia hidup di persekitaran semula jadi dan simbolik. Kehidupan gelandangan bekas

banduan di jalanan sebenarnya pada masa yang sama telah melahirkan perasaan tentang makna dalam kehidupan. Pengalaman hidup yang boleh sukar dan senang sebenarnya telah menyebabkan makna dalam kehidupan yang terbentuk akibat proses timbal balik. Interaksi simbolik adalah proses yang menggunakan makna dan nilai timbal balik dengan pertolongan simbol dalam fikiran. Bagi pandangan pengkaji, proses pemerhatian yang dilalui itu telah membentuk makna dalam kehidupan di dalam diri gelandangan bekas banduan.

Makna merupakan interaksi timbal balik antara orang (Aksan et al., 2009). Objek tidak mempunyai makna sendiri. Tetapi objek mendapat makna dari pelaku sosial. Akibatnya interaksi simbolik adalah proses "penafsiran ke atas tindakan (*interpretation of the action*)". Interaksi simbolik adalah proses termasuk penafsiran tindakan kerana makna simbolik mungkin terbentuk secara berbeza bagi sesiapa sahaja. Menerusi Teori Simbolik Interaksi ini, makna dikaitkan dengan unsur-unsur ini melalui interaksi manusia. Seperti yang dapat difahami dari contoh ini, manusia membentuk makna sebagai hasil dari pengalaman mereka sendiri. Perjalanan sebagai gelandangan adalah suatu pengalaman yang dilalui. Pengalaman ini tidak rawak (Aksan et al., 2009). Ringkasnya, syarat utama pembentukan makna adalah adanya peristiwa. Keadaan berikut adalah pengalaman peristiwa yang telah dilalui ini. Seperti yang ditunjukkan oleh Blumer; "Makna sesuatu mengarahkan tindakan" (O'Shaughnessy, 1992). Untuk memahami tingkah laku manusia, perlu memahami definisi, makna dan proses yang dibentuk oleh manusia terlebih dahulu

Manusia, ini berbeza dengan makhluk lain, mereka ini mengajukan soalan, membuat pertanyaan dan soalan "Mengapa" adalah soalan paling asas (Sezer, 2012). Manusia mencari makna. Dia membayangkan dirinya dan kehidupan berdasarkan alasan ini. Gambaran ini mengekalkan keterikatannya dengan kehidupan. Oleh kerana itu, ketakutan terbesar bagi manusia adalah hidup tanpa arah. Kajian menunjukkan gelandangan bekas banduan bersyukur dengan apa yang ada dan berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka walaupun hidup sebagai gelandangan Kegagalan berintegrasi semula dan menjadikan gelandangan tidak berhenti berusaha memperbaiki kehidupan mereka. Gelandangan bekas banduan tidak menjadikan kehidupan gelandangan sebagai alasan untuk tidak berusaha. Malahan apabila dikaji tentang makna dalam kehidupan, rata-rata masih bersyukur walaupun hidup bergelandangan. Mereka masih mampu menunjukkan kesejahteraan hidup yang baik. Bagi pengkaji, kesejahteraan hidup tidak semestinya perlu diukur secara material. Kehidupan tanpa akses kepada material tidak menjadikan kesejahteraan gelandangan bekas banduan rendah. Itu yang menjadikan makna dalam kehidupan gelandangan bekas banduan apabila menjadikan kesyukuran sebagai asas dalam kehidupan. Menurut Krok, (2017), kajian ilmiah tentang makna sebahagian besarnya tertumpu pada menyedari akibat mempercayai bahawa kehidupan seseorang itu bermakna (Glaz 2013; Klinger 2012; Steger 2012).

Pandangan pengkaji apabila makna dalam kehidupan gelandangan bekas banduan ini sebenarnya mampu memberi refleks terhadap kesejahteraan hidup mereka. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, pengkaji dapat merumuskan bahawa gelandangan bekas banduan masih melampirkan tahap kesejahteraan yang baik tatkala menghadapi kehidupan yang penuh dengan kemiskinan dan kedaifan. Mereka didapati tidak mengalah dengan nasib yang ada. Mereka masih berusaha untuk mempertingkatkan kemajuan dalam diri untuk memastikan kelangsungan hidup. Pelbagai pekerjaan yang dibuat walaupun tidak secara tetap menjadi antara bukti penting bahawa mereka masih berusaha untuk diri sendiri. Walaupun hidup di jalanan tidak menyekat gelandangan bekas banduan membentuk makna bersyukur dalam diri dan menunjukkan harapan untuk memperbaiki diri. Ia memberi petunjuk kepada

kesejahteraan hidup gelandangan bekas banduan bahawa mereka mempunyai semangat dan dayaupayaan yang tinggi dalam menjalani hidup. Makna dalam kehidupan yang terbentuk juga masih menunjukkan kebahagiaan tentang kehidupan menerusi perasaan kesyukuran. Kedaifan hidup tidak menghalang mereka untuk berasa syukur dengan apa yang ada di dalam hidup. Menurut Galang et al., (2011), matlamat dan tujuan hidup telah dirumuskan sebagai anteseden untuk kesejahteraan psikologi, dan pada masa yang sama adalah kriteria utama kesejahteraan psikologi. Apa yang penting untuk difahami adalah bahawa makna dalam kehidupan dianggap sebagai satu pemboleh ubah yang menyediakan keadaan dari mana kebahagiaan muncul (Lent, 2004) dan dapat menyumbang kepada asas kebahagiaan keseluruhan yang seterusnya adalah kesejahteraan subjektif. Makna dalam kehidupan mempunyai aset psikologi yang unik yang mempengaruhi proses kognitif dan emosi manusia (Krok, 2017). Konstruk yang berkaitan dengan tujuan dalam hidup adalah makna dalam kehidupan, yang merujuk kepada pencarian dan kehadiran makna (Steger, Oishi, & Kesebir 2011). Orang dicirikan oleh kehendak makna - dorongan untuk mencari makna dan makna dalam kehidupan mereka - dan kegagalan mencari makna mengakibatkan tekanan psikologi (Blau, Goldberg & Benolol, 2018). Dalam kajian ini, gelandangan tidak melampirkan perasaan tekanan malahan menunjukkan perasan penerimaan dengan kehidupan yang dilalui.

Dalam pengertian ini, makna dalam kehidupan dianggap sebagai faktor yang memberikan sumbangan unik untuk bidang kesejahteraan dan kebahagiaan. Malahan, dari segi makna Jalan Chow Kit buat mereka, pengkaji mendapati rata-rata merujuk sebagai rumah dan tempat tinggal. Mereka melihat Jalan Chow Kit sebagai tempat pilihan apabila setiap kali dibebaskan. Ia boleh berpunca daripada keadaan Jalan Chow Kit yang mempunyai akses kepada pelbagai bantuan seperti makanan, pakaian, rawatan, dan sebagainya. Mereka juga gembira dengan keadaan di Jalan Chow Kit dan melihat kawasan ini sebagai tempat yang dipenuhi dengan rakan-rakan dan persahabatan. Mereka menunjukkan rasa selesa dengan kehadiran rakan-rakan senasib. Pengkaji melihat rakan-rakan senasib sebagai sistem sokongan sosial bagi menggantikan keluarga yang mereka tiada. Kesemua ini merupakan makna Jalan Chow Kit buat mereka yang diketahui. Namun, tidak menjadikan gelandangan bekas banduan ini berasa hidup yang selesa dan bersyukur dengan apa yang ada, tetapi tidak boleh menjadi alasan buat kerajaan untuk tidak membantu golongan ini di masa akan datang.

LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN

Terdapat tiga limitasi dan cadangan penting yang ingin diketengahkan di dalam kajian. Pertama sekali adalah limitasi dari segi persampelan kajian. Hal ini disebabkan oleh penggunaan sampel yang agak kecil iaitu 15 orang responden gelandangan bekas banduan dalam mengkaji tentang makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit. Jumlah yang agak kecil ini menyebabkan dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi kajian. Dengan itu, pengkaji ingin menyarankan agar keperluan untuk menjalankan sebuah kajian yang lebih ekstensif dengan menggabungkan kaedah kuantitatif. Namun demikian, kajian di masa akan tersebut perlu melibatkan peruntukan dana yang lebih besar memandangkan keperluan untuk menggunakan tenaga kerja yang lebih ramai dari segi enumerator dalam mengumpul maklumat serta pembantu penyelidik yang berfungsi untuk memasukkan data ke dalam perisian SPSS. Kesemua ini harus diambil kira apabila menjalankan kajian yang bersifat besar dan melibatkan jumlah responden gelandangan bekas banduan yang lebih ramai.

Selain itu, limitasi lain yang turut dikenali adalah penggunaan kualitatif dalam meneroka makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit. Hal ini kerana pendekatan kualitatif ini adalah lebih subjektif dan terbuka kepada pelbagai interpretasi. Maka keperluan untuk mengabungkan kajian yang berbentuk kuantitatif dalam menyokong dapatan yang diperolehi.

Dan akhir sekali, limitasi lain yang turut dilalui, disebabkan oleh keadaan negara yang sedang menjalani pandemik Covid-19. Pengkaji menghadapi masalah dalam mengumpul maklumat dengan lebih mudah dan teratur. Hal ini disebabkan negara yang mengalami beberapa kali perintah kawalan pergerakan (PKP). Keadaan sebegini memberi kesan kepada proses perjalanan penyelidikan dan pergerakan merentas daerah dan negeri. Dengan itu, pengkaji ingin mencadangkan agar pengkaji di masa akan datang untuk merangka strategi yang lebih terperinci sebelum menjalankan kajian yang melibatkan gelandangan di Kuala Lumpur. Keperluan untuk memastikan keselamatan kepada para gelandangan dan juga pengkaji sepanjang menjalankan kajian. Hal ini bagi memastikan proses penyelidikan yang tidak memberikan sebarang kemudaratan kepada mana-mana pihak; baik gelandangan dan juga pengkaji sendiri. Hal ini adalah penting untuk pengkaji di masa akan datang untuk menjalankan semakan kesihatan terlebih dahulu seperti suhu, dan simptom-simptom kesihatan yang lain seperti demam, batuk dan selsema sebelum menjalankan kajian ini. Kesemua ini penting apabila melibatkan kajian yang perlu bersemuka dengan para gelandangan ini.

KESIMPULAN

Isu gelandangan bekas banduan sememangnya semakin serius dari hari ke hari sehingga memberi kesan negatif kepada masyarakat dan negara. Isu gelandangan bekas banduan juga bukan isu sosial biasa yang boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa mengambil tindakan yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab. Atas dasar keadilan sosial untuk semua golongan, pengkaji tampil dengan wadah empirikal bagi mendapatkan pandangan gelandangan bekas banduan tentang makna dalam kehidupan. Kajian membuktikan gelandangan bekas banduan menunjukkan makna kesyukuran dalam kehidupan. Mereka masih memilih untuk meneruskan kehidupan seperti biasa walaupun dihipit dengan kemiskinan dan kedaifan sepanjang berada di jalanan. Malahan, mereka berusaha untuk memperbaiki kehidupan dalam memastikan kelangsungan hidup. Dari segi makna Jalan Chow Kit, gelandangan bekas banduan melihat Chow Kit sebagai 'rumah' untuk mereka, tempat yang mempunyai pelbagai bantuan, dan wujudnya persahabatan yang hadir dalam diri. Daripada keseluruhan dapatan ini, pengkaji dapat merumuskan makna dalam kehidupan gelandangan bekas banduan masih menunjukkan kesejahteraan dalam diri. Bagi pengkaji, kesejahteraan di sini tidak boleh diukur dari material semata-mata sedangkan perasaan kebebasan, kesenangan, ketenangan dengan apa yang dimiliki harus turut diambil kira apabila membincangkan tentang makna dalam kehidupan ini. Pengamatan pengkaji melihat gelandangan bekas banduan menunjukkan perasaan kebebasan yang sangat tinggi dengan pemilihan hidup yang dipilih. Walaupun makna dalam kehidupan mencatatkan corak kesejahteraan yang baik tetapi tidak menjadikan alasan untuk agensi kerajaan tidak membantu kumpulan ini agar dapat keluar daripada kehidupan jalanan. Keperluan buat agensi kerajaan dalam menterjemahkan maklumat yang ada ke dalam bentuk program bantuan dan perkhidmatan lanjutan untuk mengeluarkan gelandangan bekas banduan dari kehidupan jalanan. Input kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak berwajib untuk lebih memahami golongan ini, memenuhi keperluan asas mereka dan seterusnya mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat.

Pemahaman yang bagus terhadap golongan tersebut juga mampu menghasilkan program intervensi untuk membanteras golongan gelandangan dengan lebih berkesan.

PENGHARGAAN

Pengkaji memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran kolej dengan nombor kod S/O 14621 sebanyak RM5,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini.

RUJUKAN

- Aksan, N., Kısac, B., Aydın, M., & Demirbuken, S.(2009). *Symbolic interaction theory. Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 902–904. doi:10.1016/j.sbspro.2009.01.160.
- Berawi, F.A. & Ismail, N.A 2019. Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan Awal. https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal.
- Blau, I., Goldberg, S., & Benolol, N, (2018): Purpose and life satisfaction during adolescence: the role of meaning in life, social support, and problematic digital use. *Journal of Youth Studies*, DOI: 10.1080/13676261.2018.1551614,.
- Boyle, P.A., Barnes, L. L., Buchman, A. S., & Bennett, D. A. (2009). Purpose in life is associated with mortality among community dwelling older persons. *Psychosomatic Medicine*, 71, 574-579.
- Boyle, P.A., Buchman, A.S., Barnes, L.L., & Bennett, D.A. (2010). Effect of a purpose in life on risk of incident Alzheimer disease and mild cognitive impairment in community-dwelling older persons. *Archives of General Psychiatry*, 67, 304–310.
- Brassai, L., Piko, B. F., & Steger, M. F. (2010). Meaning in life: Is It a protective factor for adolescents' psychological health? *International Journal of Behavioral Medicine*, 18(1), 44–51. doi:10.1007/s12529-010-9089-6
- Caglar, S., & Alver, F. (2015). The impact of symbolic interactionism on research studies about communication science. *International Journal of Arts and Sciences*, 8, 479–84. [ProQuest 1768593872](#).
- Caves, R. W. (2004). *Encyclopedia of the City*. Routledge. p. 348.
- Crawley, J., Kane, D., Atkinson-Plato, L., Hamilton, M., Dobson, K., & Watson, J. (2013). Needs of the hidden homeless – no longer hidden: a pilot study. *Public Health*, 127(7), 674-80
- Eysenbach, G. (2018). Mobile Phone, Computer, and Internet Use Among Older Homeless Adults: Results from the HOPE HOME Cohort Study. doi: 10.2196/10049
- Farrar Wahida Mustafar, F. Y. (2018, December). Profil Gelandangan: Satu Kajian Literatur. https://www.researchgate.net/publication/329772284_PROFIL_GELANDANGAN_SATU_KAJIAN_LITERATUR
- Galang, M.J.A., Magno, C., Patterno, V.C. & Roldan, A.E. (2011). Meaning in life, flow, and subjective well-being: A perspective on Filipino high school students. *Philippine Journal of Counselling Psychology*, 13(1), 29-45.

- Geller, A. & Curtis, M. (2011). A sort of homecoming: Incarceration and the housing security of urban men. *Social Science Research*, 40(4): 1196–1213. DOI: [10.1016/j.ssresearch.2011.03.008](https://doi.org/10.1016/j.ssresearch.2011.03.008)
- Głaz, S. (2013). The role of the meaning of life and religious experience of god's presence and god's absence amongst students with different levels of conscience sensitivity. *Religions*, 4(1), 132–144. doi:10.3390/rel4010132.
- Hall, P. M. (2007). Symbolic Interaction. Blackwell Encyclopedia of Sociology. doi: [10.1002/9781405165518.wbeoss310](https://doi.org/10.1002/9781405165518.wbeoss310). ISBN 9781405124331.
- Hanson-Easey, Scott; Every, Danielle; Tehan, Bridget; Richardson, John; Krackowizer, Antoinette (2016). Climate change, housing and homelessness: Report on the homelessness and climate change forum (why are climate change and homelessness in the same category?).
- Harmony, R., Suzanne, W., Eric, R., Hailey, W., & Benjamin, H. (2017). No digital divide? Technology use among homeless adults. *Journal Social Distress Homeless*, 26(1), 73-77. doi:10.1080/10530789.2017.1305140.
- Heintzelman, S.J., Trent, J., & King, L.A. (2013). Encounters with objective coherence and the experience of meaning in life. *Psychological Science*, 24(6), 991–998. doi:10.1177/0956797612465878.
- Heisel, M.J., & Flett, G.L. (2004). Purpose in life, satisfaction with life, and suicide ideation in a clinical sample. *Journal of Psychopathology and Behavioral Assessment*, 26, 127–135.
- Idris, M.A.H. & Ramli, M.A. (2017). Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahurin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. *Isu-Isu Kotemperorari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademik Pengajian Islam Kotemporari.
- Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z., Shahid, K.M., Omar, N. & Azman, Z. (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografia*, 14(1), 87-101.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., Yusoff, J. Z., Shahid, K. M., Omar, N. & Azman, Z. (2019). Family Refusal as a Contributing Factor To The Homelessness Problem Among Former Prisoners In Malaysia. *Sarjana*, 34(1), 23-37.
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2020) Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *The International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 415-430. DOI: <https://doi.org/10.6000/1929-4409.2020.09.40>
- Jasni, M. A., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2021). Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24-36.
- Jasni, M.A., Omar, N., Ah, S. H. A. B., & Nasir, N. C. M. (2021). Meneroka faktor peribadi gelandangan bekas banduan berhijrah secara berulang kali ke kuala lumpur dari perspektif Teori Migrasi oleh Everett S. Lee. *Sains Humanika*, 13(3), 49-60.
- Krause, N. (2009). Meaning in life and mortality. *The Journals of Gerontology B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 64, 517–527.
- Krok, D. (2017). When is meaning in life most beneficial to young people? Styles of meaning in life and well-being among late adolescents. *Journal of Adult Development*, 25(2), 96–106. doi:10.1007/s10804-017-9280-y

- Klinger, E. (2012). The search for meaning in evolutionary goal-theory perspective and its clinical implications. In P. T. Wong (Ed.), *The human quest for meaning: Theories, research, and applications* (pp. 23–56). New York: Routledge..
- Littman-Ovadia, H., & Steger, M.F. (2010). Character strengths and well-being among volunteers and employees. *Journal of Positive Psychology*, 6, 419–430.
- Lent, R. W. (2004). Toward a unifying theoretical and practical perspective on well-being and psychosocial adjustment. *Journal of Counselling Psychology*, 51, 482-509.
- Morrell-Bellai, T., Goering, P. N., & Boydell, K. M. (2000). Becoming and remaining homeless: A qualitative investigation. *Issues in Mental Health Nursing* 21: 581–604.
- Nooe, R. M., & Patterson, D.A. (2010). The ecology of homelessness. *Journal of Human Behavior in the Social Environment* 20(2): 105-152, DOI:10.1080/10911350903269757
- O’Shaughnessy, J. (1992). *Explaining buyer behaviour: central concepts and philosophy of science issues*. Oxford University Press.
- Owens, G. P., Steger, M. F., Whitesell, A. A., & Herrera, C. J. (2009). Relationships among posttraumatic stress disorder, guilt, and meaning in life for military veterans. *Journal of Traumatic Stress*, 22, 654–657.
- Ramli, M. W., & Dawood, S.R.S (2017). Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 78-94.
- Rice, E., Wenzel, Suzanne., L, & Rhoades, H. (2017). No digital divide technology use among homeless adults. *Journal of social distress and the homeless*. 26(1), 73-77. DOI: [10.1080/10530789.2017.1305140](https://doi.org/10.1080/10530789.2017.1305140)
- Scott, C., Grella, C., Dennis, M., & Funk, R. (2014). Predictors of recidivism over 3 years among substance-using women released from jail. *Criminal Justice and Behavior*, 41(11), 1257-1289. <https://doi.org/10.1177/0093854814546894>
- Shinn, M. (2007). International homelessness: Policy, socio-cultural, and individual perspectives. *Journal of Social Issues*, 63(3), 657–677.
- Sota, M., & Agolli, I. (2015). Risk and protective factors to prevent recidivism of minors in criminality, a preventive approach in criminal justice. *European Scientific Journal*, 11(20), 1857 – 7881.
- Sezer, S. (2012). A view to the subject of the meaning of life in terms of theoretical and psychometric studies. *Journal of Faculty of Educational Sciences*, 45(1), 209-227.
- Steger, M. F. (2012). Experiencing meaning in life: Optimal functioning at the nexus of spirituality, psychopathology, and well-being. Dlm P. T. P. Wong (Pnyt.), *The human quest for meaning* (2nd ed., pp. 165–184). New York: Routledge
- Steger, M. F., Mann, J., Michels, P., & Cooper, T. (2009). Meaning in life, anxiety, depression, and general health among smoking cessation patients. *Journal of Psychosomatic Research*, 67, 353–358.
- Steger, M.F., Oishi, S., & Kesebir, S. (2011) Is a life without meaning satisfying? The moderating role of the search for meaning in satisfaction with life judgments, *The Journal of Positive Psychology*, 6(3), 173-180
- Thompson, N.J., Coker, J., Krause, J.S., & Henry, E. (2003). Purpose in life as a mediator of adjustment after spinal cord injury. *Rehabilitative Psychology*, 48, 100–108.
- Toro, P. 2007. Toward an international understanding of homelessness. *Journal of Social Issues*, 63(3): 461–481.

- West, R. L., & Turner, L. H. (2017). *Introducing Communication Theory: Analysis and Application* (6th ed.). New York. [ISBN 9781259870323](#). [OCLC 967775008](#).
- Yani, N.M.A., Zahari, N.Z., Samah, N.F. Azahar, M.A., Yasin, S.M., Saman, M.S., & Noor, N.A. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46-58.
- Yap, J. (2020). *Gelandangan oh gelandangan*. Kuala Lumpur: sinarharian.
- Yildirim, N. & Yildirim, K. 2014 Homelessness within social change. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5(22): 418-432.

MAKLUMAT PENULIS

MOHD ALIF JASNI

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE) &
Persatuan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur
mohd.alif.jasni@uum.edu.my

NORALINA OMAR

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
noralina@um.ed.my

SITI HAJAR ABU BAKAR AH

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
shajar@um.edu.my

NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia &
Asian Research Institute for Governance (ARICG)
zeyati@uum.edu.my